

MENYIRAT MAKNA DALAM *MANISNYA RAMBUTAN KAMPUNG* DARI PERSPEKTIF KOD SIMBOLIK ROLAND BARTHES

(Finding Literal Meaning in Manisnya Rambutan Kampung from the Perspective of Roland Barthes's Symbolic Code)

Joyana Dilam Anak Clement
jandijoyceclement@gmail.com

Pusat Pengajian Sains Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia.

Published online: 1 December 2020

To Cite: Joyana Dilam Anak Clement. (2020). Menyirat Makna dalam *Manisnya Rambutan Kampung* dari Perspektif Kod Simbolik Roland Barthes. *Malay Literature*, 33(2), 193–211.

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tafsiran makna dalam karya Zahari Affandi, iaitu *Manisnya Rambutan Kampung*. Aspek permasalahan kajian ialah pentafsiran makna tersirat yang dihadirkan oleh penulis novel yang menggunakan perlambangan simbol dalam penulisannya. Dalam kajian ini objektif yang ingin dicapai adalah untuk mengenal pasti makna tersirat *Manisnya Rambutan Kampung* terhadap masyarakat dalam karya, menganalisis makna tersirat dalam teks dengan menggunakan perspektif kod simbolik dan seterusnya menilai sejauh mana siratan makna dalam teks menepati ciri-ciri konotatif dalam perspektif kod simbolik. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif mudah. Data bagi kajian ini ialah setiap peristiwa penceritaan yang dihadirkan dengan penggunaan tanda atau simbol dalam penulisan. Oleh hal yang demikian, keseluruhan kajian ini menggunakan teori Semiotik, Roland Barthes, iaitu berfokuskan penggunaan simbol. Kajian ini menggunakan teori tersebut untuk merungkaikan makna dengan lebih terperinci mengenai tanda dalam setiap perkara yang ada atau wujud unsur penanda dan petanda dalam karya. Hal ini demikian kerana simbol yang digunakan oleh pengarang dalam penceritaan karya mempunyai makna tersurat dan makna tersirat. Berdasarkan penelitian yang telah dibuat, dapatlah

dirumuskan bahawa Zahari Affandi telah menyelitikan beberapa simbol yang mempunyai makna tersendiri pada setiap peristiwa yang terdapat dalam karya beliau untuk menyampaikan mesejnya.

Kata kunci: Barthes, semiotik, kod simbolik, tanda, petanda, Zahari Affandi

Abstract

This study aims to review the literal meaning of Zahari Affandi's Manisnya Rambutan Kampung. The focus of this research is the interpretation of the literal meaning presented by the writer through the use of symbols. The objectives of this study are to identify the significance of the literal meaning to the community, to analyze the literal meanings in the text from the symbolic code perspective, as well as to evaluate the extent to which the literal meanings in the text conform to connotative properties from this perspective. This research was carried out using a simple qualitative method. The data collected was each illustration of events that employed signs or symbols. Therefore, the research was performed using the Semiotic Theory of Roland Barthes, which focuses on the use of symbols. The present research uses this theory to explore the meanings of signs in a more detailed way in all instances that contain elements of signifiers and signifieds in the literary work. This is due to the fact that the symbols used by the writer in the work have both a literal and an implied meaning. Based on the research, we conclude that Zahari Affandi inserted several symbols with their own meaning in his work to convey certain messages.

Keywords: Barthes, semiotics, symbolic code, sign, signified, Zahari Affandi

PENDAHULUAN

Dalam dunia kesusasteraan, pengarang haruslah bersedia untuk menggerakkan ilmu kreativiti, terutama imaginasi dan sensitivitinya. Imaginasi dan sensitiviti pengarang memainkan peranan penting dalam penciptaan sesebuah karya cereka. Karya sastera yang dimuatkan dengan penuh daya imaginasi dan sensitiviti akan menghasilkan sebuah karya yang menarik. Melalui karya tersebut, pengarang bebas untuk menghasilkan cereka yang memaparkan pengalaman peribadi, luahan diri, imaginasi atau harapan pengarang dalam setiap penulisannya. Selain itu, pengarang turut bebas mengembangkan bakatnya dengan menyentuh topik dalam pelbagai bidang seperti psikologi,

politik, ekonomi, agama dan sosial masyarakat sekeliling yang disampaikan secara langsung atau tidak langsung dengan menggunakan simbol.

Simbol yang digunakan dalam karya, pasti memiliki banyak makna tersirat yang perlu dirungkaikan dan difahami seterusnya ditafsirkan oleh pembaca. Menurut Sudirman Nirwana dan Zulkifley, (2016, p. 15), minda atau akal budi sesuatu bangsa tidak mudah untuk difahami dan hanya dapat dianalisis melalui sesuatu perantaraan. Asmah (1993, p. 157) berpendapat bahawa perantaraan yang paling berkesan ialah bahasa kerana bahasa berupaya untuk menyerlahkan pelbagai aspek tentang akal budi atau minda sesuatu bangsa.

Jadi, dalam proses ini, erti sebenar atau maksud tersurat disampaikan secara tersirat melalui pemberian simbol. Kata Simbol berasal daripada bahasa Yunani *symbolos* yang bererti tanda atau ciri yang memaknakan sesuatu hal kepada seseorang (Herusatoto, 2005, p. 10). Peirce (1958, pp. 1–6) pula melihat simbol sebagai jenis tanda yang berkemungkinan memiliki lebih daripada satu tafsiran atau makna. Hal ini demikian kerana interpretasi pembaca atau pengkaji berbeza-beza. Menurut Susantina (2001), seseorang pembaca yang ingin memahami bentuk-bentuk kehidupan budaya terlebih dahulu perlu memahami simbol itu sendiri. Perkara ini disokong oleh Ariff (2016, p. 103) yang menyatakan bahawa novel merupakan sebuah genre prosa moden yang menyampaikan makna melalui keseluruhan penceritaan, perwatakan, latar, dan peristiwa secara langsung dan tersirat.

Kajian ini memberikan fokus pada penggunaan simbol dalam novel *Manisnya Rambutan Kampung* karya Zahari Affandi. Simbol tersebut telah digunakan oleh penulis bukannya secara sewenang-wenangnya tetapi mempunyai maksud tersurat dan tersirat yang hendak disampaikan oleh penulis. Oleh itu, perlu diteliti dan ditafsirkan makna yang hendak disampaikan melalui perlambangan simbol yang digunakan dalam novel ini. Melalui simbol ini pembaca dapat memperlihatkan keindahan hasil ciptaan Zahari Affandi yang mencerminkan masyarakat Melayu. Pengkaji memilih teori semiotik Roland Barthes yang dipecahkan kepada enigma lima kod, iaitu kod hermeneutik, kod seme, kod aksi, kod simbolik dan kod budaya untuk membaca novel ini. Namun begitu, kajian melihat pecahan yang keempat sahaja, iaitu kod simbolik untuk mengkaji siratan makna dalam karya *Manisnya Rambutan Kampung*.

Objektif kajian adalah untuk menyirati makna dalam *Manisnya Rambutan Kampung* dari perspektif kod Simbolik Roland Barthes ini adalah untuk mengenal pasti makna tersirat *Manisnya Rambutan Kampung* terhadap

masyarakat dalam karya, menganalisis makna tersirat dalam teks menggunakan perspektif kod Simbolik Roland Barthes dan menilai sejauh mana siratan makna dalam teks menepati ciri-ciri konotatif dalam perspektif kod simbolik.

BIODATA PENGARANG

Zahari Affandi merupakan seorang penulis yang berpengalaman luas dalam dunia persuratkhabaran dan pernah bekerja sebagai Penolong Pengarang *Mingguan Malaysia*, Ketua Pengarang *Harian Nasional*, Pengurus Editor *Mingguan Islam* dan Ketua Pengarang *Watan* serta menubuhkan syarikat sendiri, iaitu Prodescom Sdn. Bhd. dan kemudiannya Citra Publishing. Nama sebenar pengarang ialah Asari bin Ismail yang mempunyai dua nama pena, iaitu Nazir Usman dan Zahari Affandi.

Beliau merupakan penulis prolific yang mula berkecimpung dalam dunia penulisan novel sejak tahun 1970-an dan pernah menghasilkan 49 buah novel. Antaranya termasuklah *Anakku Adalah Daun-daun Kering* (1980), *Bila Padi Menjadi Lalang* (1980), *Catatan Seorang Gadis* (1980), *Pesta Bunga-Bunga dan Rama-rama* (1980), *Si Burung Hijau Pun Lalu Terbanglah* (1980), *Kekosongan* (1981), *Rinduku Adalah Kemboja dan Berguguran* (1986).

Berkat kegigihan dan kecintaannya terhadap dunia penulisan, beliau pernah memenangi Hadiah Karya Sastera, cerpen “Kaki Burung” pada tahun 1971, Hadiah Karya Sastera, cerpen “Berangkatlah Puteri-puteriku Sayang” pada tahun 1975. Kemudian, beliau merangkul Hadiah Karya Sastera, cerpen “Kunang-Kunang” dan “Bila Bintang-bintang Gugur ke Bumi” pada tahun 1976, seterusnya mendapat tempat kedua Sayembara Novel Gapena, Yayasan Sabah untuk novel *Bulan Merah di Tiga Kuala* pada tahun 1976 (Zahari Affandi, 1993). Pada tahun 2014, beliau memenangi Hadiah Sastera Perdana bagi cerpennya *Manisnya Rambutan Kampung*. Menurut Johan Jaafar dalam *Utusan Online* (16 Mei, 2016):

Zahari seorang *wordsmith* luar biasa. Kata-kata menjadi kekuatan beliau, maka itu pemilihan kata-katalah yang menjadikan novel menarik, menyenangkan dan bermakna.


(Johan Jaafar, 16 Mei, 2016)

Untuk kajian ini, karyanya yang berjudul *Manisnya Rambutan Kampung* terbitan tahun 2018 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, nukilan Zahari Affandi

anak kebanggaan Kuala Krai negeri Kelantan yang dilahirkan pada 17 Oktober 1947 akan digunakan.

PERSPEKTIF KOD SIMBOLIK

Kajian semiotik dalam bidang ilmu kemanusiaan telah berkembang dalam bahasa Perancis sejak awal tahun 50-an. Roland Barthes sangat dikenali sebagai bapa pendekatan semiotik struktur dan pascastruktur. Pendekatan semiotik Barthes berbeza dengan tokoh awal semiotik lain seperti Charles Sanders Peirce dan Ferdinand de Saussure. Dalam pendekatan yang diutarakan Barthes, kod semiotik digunakan untuk mengkaji tanda, dalam setiap perkara yang ada wujudnya penanda dan petanda. Semiologi Barthes menyelidik hubungan penanda dan petanda pada sesuatu tanda. Penanda ialah perkara yang hendak dihuraikan manakala petanda ialah maksud daripada perkara yang hendak dihuraikan sebagai penanda tadi. Simbol merupakan jenis tanda yang bersifat arbitrer dan konvensional (Budiman, 2004, p. 32). Barthes (Kurniawan, 2001, p. 56), berpendapat bahawa semua perkara merupakan tanda termasuklah perkara fizikal dan bukan fizikal. Bagi mengkaji tanda ini, Barthes dalam bukunya *S/Z* (1972) telah memperkenalkan lima jenis kod, iaitu kod hermeneutik, kod seme, kod simbolik, kod aksi dan kod budaya. Barthes (1972) telah menggariskan kod simbolik yang memiliki tiga ciri. Pertama, kod simbolik menghasilkan makna yang pelbagai untuk sesuatu simbol dan makna yang terbalik, iaitu makna yang tersirat selain simbol yang ditampilkan. Kedua, kod simbolik melahirkan makna yang bertentangan daripada simbol yang diperlihatkan, dan ketiga, kod simbolik



Rajah 1 Kerangka konsep kajian ini.

melahirkan makna yang bertentangan tersebut membolehkan pelbagai tafsiran diberikan kepada sesuatu tanda tersebut. Sohaimi (2014) berpendapat bahawa kod simbolik berkaitan dengan segala pertentangan dan antitesis yang memperlihatkan nilai dan “pembalikan”.

Pendekatan Barthes ini digunakan untuk mengkaji makna siratan dalam *Manisnya Rambutan Kampung* karya Zahari Affandi. Tumpuan hanya diberikan terhadap aspek kod simbolik sahaja. Salah satu simbol utama dalam karya ini ialah pokok rambutan gading yang manis. Simbol pokok rambutan gading yang manis inilah yang menjadi tunjang kepada mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam novel ini. Secara ringkasnya kerangka kajian yang digunakan untuk kajian ini adalah seperti dalam Rajah 1.


ANALISIS KAJIAN

Dalam novel *Manisnya Rambutan Kampung* ini, pengarang telah memberikan persepsi konotatif kepada pembaca suatu tanda atau simbol kepada semua peristiwa yang berlaku dalam latar dan perkembangan plot dalam karya ini. Menurut M Anem (2012, pp. 152–154), ciri-ciri pokok rambutan yang dapat dilihat secara visual mempunyai batang dan dahan yang keras serta berkayu. Seterusnya, daun berwarna hijau tua, kecil dan berbentuk bujur serta urat daun yang jelas kelihatan. Ranting yang bercabang dan pokok rambutan membiak melalui biji rambutan. Istimewanya dalam karya ini, pengarang telah memuatkan rambutan gading sebagai simbol alam tumpuan dalam karya. Dalam karya, gambaran rambutan gading tersebut adalah seperti yang berikut:

Rambutan gading kampung digambarkan sudah berusia berabad lamanya, tetapi daunnya tetap merimbun, hijau pekat dan berkilau-kilauan. Seterusnya, dahan dan ranting masih utuh dan kuat. Rambutan gading sentiasa berbuah tidak mengikut musim. Berbuah lebat menguning sehingga tidak nampak daun. Isinya sangat manis dan lejang.

(Zahari Affandi, 2018, pp. 1–2)

Rambutan gading antara yang digemari ramai. Menurut M Anem dalam penulisannya *Anim Agro Techology* (2012, pp. 152–154), pokok rambutan gading mempunyai ketinggian lebih kurang dua kaki. Seterusnya, sangat cepat berbuah dan buahnya mempunyai kulit berwarna kuning dan isinya mudah lejang, tebal dan manis. Rambutan gading juga merupakan variasi rambutan yang sukar dijumpai sekarang.



Rajah 2 Ilustrasi pokok rambutan gading dalam karya.

Berdasarkan perbincangan kerangka teori di atas, penilaian karya dibuat melalui ciri-ciri kod simbol. Simbol boleh melahirkan makna yang multivalin dan boleh berbalik serta membolehkan pelbagai tafsiran dan pembalikan kepada sesuatu tanda. Tiga ciri kod simbol ini digunakan oleh pengkaji untuk menghuraikan lima isi utama kajian, iaitu simbol pokok rambutan bercambah, simbol ranting bercabang, simbol buah rambutan manis, simbol batang liat dan simbol akar pokok rambutan. Secara mudahnya, perbincangan dibahagikan kepada lima aspek berdasarkan lakaran dalam Rajah 2.

Simbol Pokok Rambutan Bercambah

Simbol pertama yang diperlihatkan dalam karya *Manisnya Rambutan Kampung* ialah simbol pokok rambutan yang bercambah. Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu, (<http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=bercambah>) secara literalnya, bercambah bermaksud mula tumbuh daripada biji kemudian boleh berkembang di merata-rata tempat kerana banyak. Makna literal bercambah ini juga bertepatan dengan ciri pokok rambutan yang bercambah dalam karya. Namun begitu, di sebalik tafsiran ini karya simbol

pokok rambutan gading yang bercambah ini memperlihatkan simbol kepada semangat tradisi yang berkembang dan bercambah dalam watak-watak yang terdapat dalam novel ini. Perkara ini telah digunakan oleh pengarang dengan jelas dalam perkembangan plot ceritanya. Warisan ialah sesuatu yang perlu dipertahankan, dan semangat ialah percambahan hasil semangat tersebut. Masyarakat Melayu bergantung pada tanah dan pertanian. Sebarang ancaman akan menggugat perkembangan mereka dalam kehidupan moden ini. Lantaran itu, peristiwa dalam cerita ini memiliki simbol yang amat mendalam untuk mewakili psikologi masyarakat Melayu yang rapat dengan alam, terutamanya tanah yang merupakan punca kuasa mereka. Bukti ini dapat diteliti dengan jelas melalui peristiwa pertama semasa Mak Engku mengingatkan kembali cerita lama Tok Ku Syed Sulung seperti dalam petikan ini:

“Kamu tahu Tuan Wok, berkat keramat benih rambutan gading yang bercambah di kampung Paloh, maka bangkitlah rakyat Terengganu yang diketuai oleh Haji Abdul Rahman Limbong pada 23 Mei 1928 menentang British yang mengenakan cukai tanah untuk orang Melayu Terengganu membuka tanah kebun ...”

(Zahari Affandi, 2018, p. 18)

Seterusnya peristiwa kedua semasa Mak Engku teringat akan kisah silam, iaitu:

Biji benih rambutan gading turun kembali ke tanah warisan yang dibekalkan kepada Kiyai Raden Umbuh, adik kepada Raden Haji Muhi Jamallulal yang menyertai bala tentera Aceh menyerang Portugis di Selat Singapura pada 1 Januari 1577.

(Zahari Affandi, 2018, p. 19)

Selanjutnya peristiwa ketiga mengenai Tok Ku Syed Sulung menceritakan kisah sejarah rambutan kampung kepada Mak Engku, seperti yang berikut:

Anak semailan rambutan gading menjadi azimat pula kepada seorang pengikut setia Raden Haji Muhi Jamallulal di Jambi, iaitu Lebai Ismail Tahalu yang menjadi pengasuh dan diamanahkan supaya menjaga puteranya Raden Pengiran Muda Ismail Muhi, menumpang sebuah tongkang Arab menyeberangi Selat Melaka untuk ke Muar.

(Zahari Affandi, 2018, p. 20)



Rajah 3 Simbol dan simbolik pokok rambutan bercambah.

Peristiwa pertama tadi mengisahkan kebangkitan Haji Abdul Rahman Limbong dan penduduk kampung lain menentang British yang mengenakan cukai apabila hendak berkebun. Peristiwa ini membawa erti semangat kebangkitan pemimpin untuk mempertahankan hak sendiri daripada dieksploitasi oleh penjajah. Peristiwa kedua pula, mengenai penanaman buah rambutan di tanah warisan meskipun dalam persediaan peperangan dengan musuh oleh Kiyai Raden Umbuh. Seterusnya, peristiwa ketiga mengisahkan Lebai Ismail Tahalu sanggup belayar bersama-sama ketuanya demi menunjukkan semangat kental dan taat setianya kepada pemimpin. Ketiga-tiga peristiwa ini telah membuktikan bahawa simbol pokok rambutan yang bercambah ini merupakan simbol semangat kental terhadap tradisi yang perlu berkembang dan bercambah untuk mempertahankan warisan Melayu sebenar. Dalam konteks ini, benih menjadi simbol tanah yang perlu dipertahankan daripada pihak penjajah. Hal ini dapat digambarkan melalui Rajah 3.

Jika melihat kod simbolik Roland Barthes, pokok rambutan gading yang bercambah itu dapat ditafsirkan menjadi simbol semangat kental pemimpin yang bercambah yang tercetus untuk mempertahankan tradisi dan hak selaras dengan ciri kod simbolik, iaitu memperjelas tafsiran simbol yang multivalin serta berbalik terhadap pembaca karya tersebut. Jelaslah melalui tafsiran pembaca, peristiwa yang dipetik kemudian ditafsirkan mengikut simbol yang dipakai, yang menunjukkan bahawa teori kod simbolik Roland Barthes telah meletakkan pembaca untuk mentafsirkan simbol yang wujud dalam teks penulisan (Culler, 2003, p. 130).

Simbol Ranting Bercabang

Simbol kedua yang dapat dilihat dalam karya *Manisnya Rambutan Kampung* ialah simbol ranting bercabang. Secara literal, menurut *Kamus Dewan* (2010, p. 231) “bercabang membawa erti bahagian yang tumbuh daripada batang atau

dahan pokok dan bahagian hujung yang berpisah”. Makna “bercabang” ini sangat bersesuaian dengan gambaran ranting rambutan yang bercabang dalam karya.

Melalui tafsiran pengkaji berdasarkan karya, simbol ranting yang bercabang ini ditafsirkan sebagai perjalanan setiap peristiwa yang berlaku dalam teks. Setiap ranting yang bercabang kecil-kecil di hujung dahan ibarat perjalanan setiap satu peristiwa yang berlaku di sekeliling rumah pusaka sama ada suka atau duka. Dalam karya ini terdapat pelbagai cabaran yang ditempuhi dan pelbagai peristiwa yang tercoret dalam perkembangan plot cerita ini. Antara bukti peristiwa termasuklah:

... kerana marah, Jepun laknat melepaskan beberapa das tembakan ke dahan rambutan, ketika itulah parang panjang Tok Ku Syed Sulung singgah ke leher askar Jepun, satu demi satu tumbang ke bumi.


(Zahari Affandi, 2018, p. 51)

Peristiwa seterusnya ialah peristiwa Syarifah Munirah memarahi anak lelakinya. Lihat petikan yang berikut:

Syed Idham yang sudah terjelapak di lantai bilik air ditariknya keluar ke pintu depan dan diseret menuruni tangga menuju pohon rambutan di tengah laman. Dengan tali lembu yang tersangkut di tepi dangau, Syed Idham diikat ke batang rambutan, dari kaki sehingga rapat ke lehernya.

(Zahari Affandi, 2018, p. 169)

Peristiwa ini menunjukkan siratan makna yang diberikan oleh simbol ranting yang bercabang. Ibarat simbol setiap peristiwa suka dan duka yang berlaku sepanjang penceritaan dalam karya, ranting yang bercabang kecil-kecil di hujung dahan membawa setiap satu peristiwa yang berlaku dan berhubungan antara satu sama lain dalam perkembangan plot novel ini. Peristiwa pertama menunjukkan kemarahan masyarakat apabila tanaman tradisi diganggu oleh orang asing. Pengarang telah memaparkan bahawa tanaman rambutan gading mempunyai sejarah sentimental kepada masyarakat Melayu. Oleh itu, perbuatan askar Jepun mendapat padah daripada Tok Ku Syed Sulung yang sensitif melihat maruah serta haknya diganggu oleh orang asing. Seterusnya, peristiwa kedua pula mengisahkan kemarahan Syarifah Munirah terhadap anak lelakinya, Idham apabila bertindak membunuh ayam belanda peliharaan Syafiq dan Iqbal. Perbuatan Idham tersebut telah



Rajah 4 Simbol dan simbolik ranting bercabang.

menimbulkan kemarahan Syarifah Munirah dan mendorongnya untuk menghukum Idham dengan mengikatnya pada sebatang pohon rambutan. Hal ini demikian kerana membunuh haiwan yang tidak bersalah merupakan perbuatan yang kejam bagi masyarakat Melayu yang akrab dengan alam.

Peristiwa ini menunjukkan pengarang telah memberikan pelbagai transisi peristiwa yang berlaku antara sedih dan gembira dalam novel ini. Hal ini dapat digambarkan melalui Rajah 4.

Kenyataan ini sejajar dengan kod simbolik Roland Barthes yang menunjukkan simbol ranting yang bercabang sebagai simbol kepada setiap satu peristiwa yang dirakamkan dalam karya yang boleh ditafsirkan mengikut ciri-ciri kod simbolik, iaitu membolehkan pelbagai tafsiran dan pembalikan berlaku kepada sesuatu tanda. Namun begitu, kesemua peristiwa tersebut terjalin pada pohon cerita yang utama, seperti ranting-ranting berpaut kepada pohon rambutan itu.

Simbol Buah Rambutan Manis

Simbol ketiga yang dapat dilihat dalam *Manisnya Rambutan Kampung* ialah buah rambutan gading yang manis. Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu (<http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=manis>), manis ialah kata adjektif yang dalam konteks rasa. Bersinonim dengan enak, sedap dan lazat. Menurut Nur Afiqah dan Nor Hashimah (2015, pp. 1–16), “perkataan manis menekankan budaya dan akal budi orang Melayu”. Namun begitu, berdasarkan karya, simbol buah rambutan yang manis ini merupakan simbol kepada peristiwa yang berlaku dalam penceritaan karya yang bermula dengan kepahitan kemudian diakhiri dengan kemanisan. Makna simbol ini dapat dilihat dengan jelas dalam peristiwa ini:

Sebab itu apabila kedua-dua beradik ini dijadikan anak angkatnya, Mak Engku cukup faham untuk menjaga hati mereka berdua. Dengan sisa-sisa

duit simpanan peninggalan arwah suaminya dan hasil daripada jualan ayam kampung kepada peraih, Mak Engku masih mampu menjaga dan menyekolahkan Syafiq dan Iqbal.

(Zahari Affandi, 2018, p. 15)

Seterusnya peristiwa kedua mengenai Haji Lubis terkejut dengan jawapan yang diberikan Syafiq dan Iqbal. Lihat petikan berikut:

“Minah, Iqbal dan Syafiq rupa-rupanya anak arwah Omar Manan yang selamatkan nyawa abang semasa di Sabah dulu”.


(Zahari Affandi, 2018, p. 232)

Selanjutnya peristiwa ketiga mengenai ucapan syukur Mak Engku terhadap pengorbanan suami dan ayahnya, iaitu:

“Inilah berkat perjuangan arwah ayahmu dan Tuk ku Syed Sulung. Matinya bagai harimau yang meninggalkan belang, bukannya seperti gajah mati meninggalkan bangkai dan tulang”.

(Zahari Affandi, 2018, p. 340)

Ketiga-tiga peristiwa ini menjadi bukti, buah rambutan yang manis secara simbolik membawa erti kepada peristiwa yang berlaku dalam penceritaan karya yang bermula dengan kepahitan kemudian diakhiri dengan kemanisan. Seperti buah rambutan yang kelat semasa muda tetapi apabila masak rasanya manis. Analogi ini boleh dipakai oleh pembaca untuk melihat proses pertukaran peristiwa dalam novel ini. Pada peringkat awal bermula dengan kesedihan, kepahitan, kesengsaraan. Pada peringkat akhir beralih kepada keriang, kesyukuran dan kemanisan. Contohnya, peristiwa pertama mengisahkan pengorbanan seorang ibu angkat. Syafiq dan Iqbal sangat bertuah kerana Mak Engku menjaga mereka berdua dengan baik sekali. Perkara ini dapat dilihat melalui nasib dua orang adik-beradik yang telah kehilangan ibu bapa sejak mereka kecil, namun mendapat kemanisan rahmat Tuhan apabila dijaga oleh insan sebaik Mak Engku. Peristiwa kedua pula mengisahkan Haji Lubis dan isteri yang akhirnya berjumpa dengan keturunan Omar Manan, gemulah ayah Syafiq dan Iqbal. Selama ini Haji Lubis berasa tidak tenang kerana tidak tahu cara untuk membalas jasa Omar Manan yang



Rajah 5 Simbol buah rambutan manis.

menyelamatkannya semasa berperang di Sabah. Akhirnya perasaan Haji Lubis yang sedih berubah menjadi peristiwa manis setelah berjumpa dengan anak-anak gemulah dan berpeluang untuk menjaga mereka dengan sebaik mungkin. Peristiwa ketiga pula mengisahkan perjuangan Syed Muhammad Hassan dan Tuk Ku Syed Sulung mempertahankan hak tanah mereka. Keperitan yang dilalui itu tidak sia-sia dan kini tanah yang dipertahankan mampu untuk dibangunkan menjadi masjid di kampung. Peristiwa ini secara simbolik meneguhkan bahawa kerja yang baik pasti akan mendapat rahmat yang baik daripada Allah SWT jua. Contoh ketiga-tiga peristiwa ini telah memberikan keyakinan kepada pembaca untuk mentafsirkan simbol buah rambutan yang manis itu secara simbolik kepada peristiwa yang bermula dengan kepahitan dan pasti diakhiri dengan kemanisan.

Fenomena ini jelas menunjukkan bahawa kod simbolik Roland Barthes boleh diterima kerana bersifat melahirkan makna yang multivalin dan boleh berbalik dan boleh dirumuskan seperti Rajah 5.

Simbol Dahan Liat

Simbol keempat yang dapat dikaji dalam novel *Manisnya Rambutan Kampung* ialah dahan yang liat. Secara umumnya, pohon rambutan mempunyai dahan yang liat. Dahannya sangat lembut tetapi tidak mudah patah atau putus. Oleh itu, pengkaji telah melihat sudut pandang bahawa simbol dahan yang liat ini boleh diberikan makna sebagai pegangan warisan tradisi yang tidak mudah diganggu gugat. Hal ini demikian kerana terdapat beberapa peristiwa yang menunjukkan gangguan atau kekacauan yang hendak menggugat warisan tradisi keluarga Mak Engku, antaranya termasuklah:

“Hak orang jangan diganggu, maruah orang jangan dihina. Tetapi hak dan maruah kita juga jangan cuba diganggu-gugat. Jika berlaku, tanah warisan ini akan tersimbah dengan darah!”

(Zahari Affandi, 2018, p. 45)

Peristiwa kedua pula mengenai teguran Mak Engku kepada isteri Syed Rahman dalam peristiwa berikut:

“Keturunan aku tak pernah laki jadi tukang masak, bini jadi tuan besar, kamu tau tak? Budaya orang Melayu, bini yang masuk dapur, bukan laki!”

(Zahari Affandi, 2018, p. 254)

Seterusnya, peristiwa ketiga semasa Mak Engku marah kemudian menghalau Syed Bongsu seperti yang berikut:

“Aku bukan ibu kamu! Keturunan aku tak pernah ada anak menjadi pengkhianat, menjual dan menggadai harta mak bapa kepada orang asing. Berampus kamu Syed Bongsu”.

(Zahari Affandi, 2018, p. 291)

Ketiga-tiga peristiwa ini menjadi bukti simbol dahan yang liat kepada pegangan warisan yang tidak mudah diganggu gugat. Contoh peristiwa pertama merupakan pesanan Tok Ku Syed Sulung kepada Mak Engku agar menjaga maruah dan hak tradisi dengan erat serta kuat meskipun terpaksa membunuh demi mempertahankan maruah tradisi. Peristiwa kedua, mengisahkan Mak Engku mengamuk di hadapan isteri Syed Rahman tanpa mempedulikan status wanita itu sebagai menantunya kerana bagi dirinya, pantang melihat tradisi sebenar masyarakat Melayu dicalarkan sebegitu rupa oleh masyarakat asing. Isteri dalam masyarakat Melayu sangat menghormati dan menjaga keperluan suami. Memasak untuk suami merupakan perkara utama dalam kehidupan seorang isteri dalam tradisi masyarakat Melayu. Kita sedia maklum bahawa masyarakat Melayu sangat taat dengan ajaran agama Islam. Isteri mentaati suami berlandaskan luno-luno ajaran agama Islam. Peristiwa ketiga pula mengisahkan Syed Bongsu menjenguk kampung setelah tiga tahun tidak pernah bersua dengan ibunya dan berniat untuk menjual sekali gus mengubah rumah pusaka menjadi hotel. Tindakan Syed Bongsu yang membawa kawan-kawan Mat Sallehnya untuk menyukat kawasan serta berbekalkan pelan ubah suai telah membuatkan Mak Engku berasa marah sehingga menghalau anaknya dari rumah dengan mengacukan senapang patah tepat ke muka Syed Bongsu. Ketiga-tiga peristiwa ini menunjukkan pegangan erat warisan tradisi oleh Mak Engku sehingga tidak mudah diganggu gugat oleh orang asing mahupun ahli keluarganya sendiri.

Peristiwa ini telah memberikan makna tersirat kepada simbol dahan pohon rambutan yang liat juga tidak mudah untuk dipatahkan oleh perubahan masa. Melihat kepada semua simbol yang dihadirkan dalam peristiwa kemudian ditafsirkan maknanya oleh pembaca telah menunjukkan bahawa kod simbolik Roland Barthes membolehkan pembaca membuat pelbagai tafsiran dan pembalikan kepada sesuatu simbol atau tanda yang dirakamkan oleh penulis dalam novel ini.

Simbol Akar Pohon Rambutan

Simbol kelima yang boleh dilihat daripada novel *Manisnya Rambutan Kampung* ialah akar pohon rambutan. Umumnya, akar rambutan mempunyai cengkaman yang kuat pada tanah untuk mempertahankan pohon rambutan agar tidak tumbang. Menurut Tjittrosoepomo Gembong (2009, p. 7), “akar merupakan bahagian yang dapat diibaratkan sebagai sumbu tumbuhan dan akan membentuk perakaran yang bercabang-cabang dan berakhir sampai hujung akar”. Jadi, secara literal, akar boleh ditafsirkan sebagai asas tunjang berdirinya pohon rambutan gading tersebut. Oleh itu, pengkaji mentafsirkan simbol akar pohon rambutan memberi makna kepada watak utama dalam cerita, iaitu Mak Engku. Peristiwa yang boleh memberikan bukti kepada tafsiran ini boleh dilihat dalam petikan berikut:

“Mak Engku bertekad dalam hatinya untuk menjaga dan membesarkan anak-anak ini sehingga menjadi manusia yang berguna”.

(Zahari Affandi, 2018, p. 15)

Peristiwa kedua pula mengisahkan taubat ikhlas daripada Syarifah Munirah, iaitu:

Bagi mak Engku, jika perubahan yang berlaku ke atas diri anak perempuannya itu benar-benar ikhlas dan suci, sesungguhnya ia merupakan satu hadiah yang amat berharga yang dipohon dalam doanya siang dan malam.

(Zahari Affandi, 2018, p. 145)

Peristiwa ketiga yang menunjukkan kebaikan dalam kehidupan keluarga Mak Engku seperti petikan yang berikut:

Syafik dan Syarifah Syafinas yang sejak tadi terkepit di bawah ketiak Mak Engku ikut menangis. Mereka semuanya berpelukan dan melafazkan


doa agar segala yang dirancang akan mendapat rahmat dan hidayah Allah. Kasih sayang yang abadi terus berseri dan bercahaya dalam rumah pusaka ini.

(Zahari Affandi, 2018, p. 341)

Ketiga-tiga peristiwa ini telah membuktikan bahawa simbol akar rambutan merujuk Mak Engku. Melalui peristiwa pertama dapat dilihat kehidupan Syafiq dan Iqbal yang bertambah baik semenjak dijaga oleh Mak Engku. Mak Engku mendidik dua beradik ini dengan didikan yang tegas serta berteraskan agama. Melalui didikan itu, Syafiq dan Iqbal menjadi anak yang baik dan sentiasa mendengar kata Mak Engku. Peristiwa kedua pula mengisahkan pulangnya Munirah ke kampung, dan kemudiannya bertaubat atas kesalahan yang dilakukan. Mak Engku telah mengampuni kesalahan anak perempuannya itu. Kini, apa-apa perkara yang melibatkan diri Munirah pasti akan dirujuk terlebih dahulu kepada Mak Engku. Peristiwa ketiga sangat menyentuh perasaan apabila gambaran sebuah keluarga yang bersatu hati dan berjaya mendirikan sekolah agama untuk anak-anak di Kampung Pahi. Pembinaan sekolah agama ini merupakan wasiat dan cita-cita Syed Muhammad Hassan yang dipegang oleh Mak Engku. Wasiat ini kemudiannya diserahkan kepada Munirah.

Peristiwa-peristiwa ini telah membuktikan bahawa simbol akar pohon rambutan dirujuk kepada watak Mak Engku yang merupakan tunjang asas kepada teguhnya didikan anak angkat, hubungan kekeluargaan yang bersatu semula dan pemegang erat warisan utama dalam karya ini. Jadi, tanpa adanya peranan Mak Engku untuk mendidik anak angkat, menyatukan perpaduan penduduk kampung, hubungan kekeluargaan dan pemegang erat warisan tradisi, sudah pasti keadaan dalam karya akan menjadi sebaliknya.

Fenomena ini turut jelas mengaitkan tiga ciri kod simbolik Roland Barthes dapat digunakan untuk mentafsirkan novel ini kerana peristiwa dalam novel ini membolehkan pelbagai tafsiran dan pembalikan kepada tanda dalam karya ini. Secara ringkasnya, simbol ini boleh dirumuskan seperti Rajah 6.



Rajah 6 Simbol akar pokok rambutan.

KESIMPULAN

Hasil perbincangan telah menunjukkan bahawa novel *Manisnya Rambutan Kampung* karya Zahari Affandi jelas menampilkan ciri-ciri novel perspektif kod simbolik Roland Barthes. Oleh itu, dapat disimpulkan ciri kod simbolik Roland Barthes yang pertama ialah kod simbolik ini untuk makna yang pelbagai bagi sesuatu simbol dan makna yang terbalik, iaitu makna yang lain selain simbol yang ditampilkan. Kedua, kod simbolik melahirkan makna yang bertentangan daripada simbol yang diperlihatkan. Yang terakhir, kod simbolik melahirkan makna yang bertentangan tersebut dan membolehkan pelbagai tafsiran diberikan kepada sesuatu tanda tersebut. Melalui ciri-ciri kod simbolik Roland Barthes ini, pengkaji berjaya mengenal pasti makna tersirat dalam novel *Manisnya Rambutan Kampung* terhadap masyarakat dalam karya ini. Seterusnya, pengkaji menganalisis makna tersirat dalam teks menggunakan perspektif kod simbolik Roland Barthes, dan menilai sejauh mana siratan makna dalam teks menepati ciri-ciri konotatif dalam perspektif.

Pengarang telah berjaya menyelitkan hampir setiap peristiwa dengan menghadirkan beberapa tanda atau simbol untuk menyampaikan mesej karya. Ringkasnya, novel *Manisnya Rambutan Kampung* jelas mempunyai ketiga-tiga ciri kod simbolik yang disarankan oleh Roland Barthes dan bersesuaian untuk menyirat makna yang terkandung dalam novel *Manisnya Rambutan Kampung* dari perspektif kod simbolik Roland Barthes.

Selain itu, novel *Manisnya Rambutan Kampung* juga berjaya memaparkan beberapa simbol yang merungkai pemikiran, tindakan, percakapan, dan sejarah dalam kalangan masyarakat. Pengarang berkongsi hidup dan memiliki latar tempat yang sama dengan masyarakatnya dalam karya ini. Hal ini membantu menyuntik emosi sebenar kepada penulisan yang melibatkan sejarah setempat, warisan tradisi turun-temurunnya dan hubungan kekeluargaan dalam masyarakat Kelantan secara menarik.

Kesungguhan pengarang dalam usaha menyelitkan peristiwa dengan menggunakan beberapa simbol patut dipuji kerana tidak semua pengarang mampu menjalinkan tanda dan petanda secara menarik dalam karyanya. Pengarang juga menyeru kepada pembaca, terutamanya generasi muda untuk mempertahankan tradisi turun-temurun dan memupuk kasih sayang terhadap keluarga serta menitikberatkan perpaduan dalam masyarakat.

Oleh itu, novel ini menarik untuk didekati dengan perspektif kod simbolik Barthes kerana berlandaskan kod simbolik atau tanda yang dikaitkan, pembaca dapat menjadikannya suatu enigma mencari misteri atau makna tersirat yang

membolehkan pelbagai tafsiran melalui persepsi pembaca sendiri untuk memahami makna yang disampaikan dalam karya tersebut. Pertautan antara isi dan plot cerita ini dengan judul dapat dilihat dengan jelas, jika pembaca meneliti pemecahan kod-kod simbol ini. Kekuatan ilham dan kreativiti Zahari Affandi jelas terserlah melalui pembacaan yang menggunakan pendekatan semiotik ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada mentor dan penyelia bagi penghasilan artikel ini, iaitu Dr. Saravanan P. Veeramuthu, Pensyarah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

RUJUKAN

- Ariff Mohammad. (2016). Peristiwa sebagai Simbolik dalam penceritaan. *Dewan Sastera*, Julai, (pp. 61–65).
- Asmah Haji Omar. (1986). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Barthes, R. (1977). *Elements of Semiology*. New York: Hill and Wang.
- Barthes, R. (1990). *S/Z*. London: Blackwell Publishing.
- Budiman, K. (1999). *Kosa Semiotika*. Yogyakarta: LKIS.
- Herusatoto, B. (2005). *Simbolisme dalam Budaya Jawa*. Yogyakarta: Rineka Cipta.
- Johan Jaafar. (16 Mei 2016). Tradisi gemilang ‘Sasterawan Utusan Melayu’. *Utusan Online*. Akses daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/tradisi-gemilang-8216-sasterawan-utusan-melayu-8217-1.326583#ixzz5kTivibCm> pada 30 Mac 2019.
- Kurniawan. (2001). *Semiologi Roland Barthes*. Magelang: Penerbit Yayasan Indonesia.
- M. Anem. (2012). *Sistem Tanaman Rambutan: Anim Agro Technology*. Diakses daripada <http://animhosnan.blogspot.com/2012/01/sistem-tanaman-rambutan.html> pada 30 Mac 2019.
- Mohammad Fitry Ariff. (2018). *Representasi Makna Melalui Bahasa Verbal dan Visual – Audio dalam Puisi “Aku”: Satu Pendekatan Semiotik*. Pulau Pinang: Univerisiti Sains Malaysia.
- Peirce, C. (1958). Charles Hartshorne, Paul Weiss & Arthur W Burks (eds.), *Collected Writings*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Akses daripada <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=manis> pada 30 Mac 2019.

- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Akses daripada <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=bercambah> pada 30 Mac 2019.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2014). *Teori dan Kritikan Sastera* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sudirman Nirwana dan Zulkifley Hamid. (2016). Pantun Melayu Sebagai Cerminan Kebitaraan Perenggu Minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15, 146–158.
- Susantina, S. (2001). Pesan-pesan Tekstual dalam Lirik Lagu Perjuangan Indonesia. *Lingua Artistika: Jurnal Bahasa dan Seni*. Semarang: IKIP Semarang Press.
- Tjitrosoepomo, Gembong (2009), “Alat Hara”. *Morfologi Tumbuhan*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Zahari Affandi. (1980). *Anakku Adalah Daun-daun Kering*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pujangga.
- Zahari Affandi. (1980). *Bila Padi Menjadi Lalang*. Kuala Lumpur: Buku Must Sdn. Bhd.
- Zahari Affandi. (1980). *Pesta Bunga-Bunga dan Rama-rama*. Kuala Lumpur: Penerbitan Mediaseni.
- Zahari Affandi. (1980). *Catatan Seorang Gadis*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pujangga.
- Zahari Affandi. (1980). *Si Burung Hijau Pun Lalu Terbanglah* (1980). Kuala Lumpur: Penerbitan Mediaseni.
- Zahari Affandi. (1986). *Rinduku Adalah Kemboja dan Berguguran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Mediaseni.
- Zahari Affandi (1993). *Burung-burung di Jendela: Kumpulan Cerpen*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Zahari Affandi. (2018). *Manisnya Rambutan Kampung*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Received: 4 May 2020

Accepted: 25 May 2020